

HARI : SELASA

TARIKH : 4/6/2019

M/SURAT : 44

## Aduan harga barang dominasi carta aduan KPDNHEP

**PUTRAJAYA 3 Jun** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal (KPDNHEP) telah menerima sebanyak 7,827 aduan daripada pengguna bagi tempoh Januari hingga April lalu.

Berdasarkan laporan aduan yang dikeluarkan KPDNHEP, tiga-aduan tertinggi melibatkan harga barang, transaksi dalam talian dan perkhidmatan mengejutkan.

"Untuk statistik pada April lalu, kementerian telah menerima sebanyak 536 aduan mengenai harga barang, 534 aduan mengenai transaksi dalam talian dan 288 aduan melibatkan perkhidmatan mengejutkan.

"Secara keseluruhan pada Januari sebanyak 2,354 aduan diterima, Februari 1,559, Mac 1,842 dan April sebanyak 2,072 aduan," menurut laporan yang diterima *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Menurut laporan itu, bagi tempoh Januari hingga April, sebanyak 61.1 peratus atau 6,863 aduan berjaya diselesaikan termasuk dirujuk kepada agensi dan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM).

Selain itu, kata laporan itu, aduan terbanyak yang diterima bagi tempoh empat bulan pertama tahun ini ialah dari Selangor iaitu sebanyak 2,193

aduan, Kuala Lumpur 1,622, Johor 664 dan Sabah 492.

"Untuk statistik tahunan, pada 2016 sebanyak 21,740 aduan telah diterima. Jumlah aduan menurun pada 2017 kepada 20,163 dan kembali meningkat pada tahun lalu kepada 26,086 aduan," katanya.

Baru-baru ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail memaklumkan aduan mengenai transaksi dalam talian atau penipuan perniagaan dalam talian semakin meningkat.

Katanya, peningkatan jumlah aduan membabitkan penipuan perniagaan dalam talian semakin membimbangkan dan setiap bulan pihaknya menerima sebanyak 25 peratus aduan membabitkan masalah itu.

"Dahulu, aduan pengguna tentang penipuan perniagaan dalam talian berada pada kedudukan ketujuh atau kelapan, tetapi kini sudah berada di posisi kedua di belakang aduan peningkatan harga barang.

"Setiap bulan, secara purata kita menerima 25 peratus (nisbah aduan). Sebagai contoh sebanyak 534 aduan pada bulan lalu, ia bergerak laju dan aduan mengenai kenakan harga barang pula kekal 35 peratus," katanya.